

BAB TIGA

BAB TIGA

PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan

Di Malaysia terdapat dua jenis perundangan yang digunakan bagi menjaga kebijakan kanak-kanak iaitu undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Undang-undang sivil digunakan untuk semua orang awam tidak mengira bangsa dan agama, manakala undang-undang syariah pula hanya digunakan khusus untuk orang-orang yang beragama Islam. Bab 3 ini akan membincangkan peruntukan-peruntukan di bawah pelbagai undang-undang di Malaysia yang berbentuk perlindungan bagi kanak-kanak khususnya bagi menangani permasalahan penganiayaan. Bagi maksud undang-undang Malaysia, perlindungan di sini ialah pencegahan undang-undang yang merangkumi peruntukan mengenai kesalahan itu sendiri, hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka yang terbabit melakukan sebarang bentuk penganiayaan atau salah laku terhadap kanak-kanak serta apa-apa peruntukan yang berperanan menangani permasalahan ini secara tidak langsung.

3.2 Undang-undang Sivil

Di Malaysia terdapat pelbagai Akta yang memperuntukkan perlindungan kepada kanak-kanak sekaligus menunjukkan yang undang-undang memang

melindungi hak kanak-kanak sebagai seorang insan. Antara Akta-akta yang berkaitan ialah:

- (i) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 – iaitu Akta yang meletakkan had umur bagi kanak-kanak agar tidak berlaku penganiayaan dan lain-lain.
- (ii) Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 – iaitu Akta yang memberikan perlindungan khusus terhadap kebajikan kanak-kanak di taman asuhan agar tidak berlaku pengabaian dan lain-lain.
- (iii) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 – iaitu Akta yang memberi perlindungan khusus terhadap mangsa keganasan rumah tangga termasuklah kanak-kanak.
- (iv) Kanun Keseksaan (FMS, Chapter 45) – iaitu Kanun yang memperuntukkan pelbagai perlindungan kepada kanak-kanak dengan mengenakan penalti bagi mereka yang melakukan penganiayaan dan lain-lain.
- (v) Akta Kanak-kanak 2001 – iaitu Akta khas yang menjaga kepentingan kanak-kanak dalam semua aspek terutama dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang mungkin akan atau telah didera.

Namun begitu, hanya empat Akta yang pertama sahaja yang akan diperincangkan di dalam bab ini, manakala Akta Kanak-kanak 2001 akan diperincangkan secara khusus di dalam Bab 4.

3.2.1 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Bab 1, bahawa “kanak-kanak” yang didefinisikan dalam Akta ini ialah orang yang belum mencapai umur 14 tahun. Manakala “orang muda” pula adalah orang yang belum mencapai umur 16 tahun. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak menyatakan apa-apa bagi mereka yang berumur antara 16 hingga di bawah 18 tahun. Jelas di sini bahawa kedua-dua definisi tersebut meletakkan golongan ini dalam pemakaian Akta Kanak-kanak 2001, begitu juga dengan mereka yang mencapai umur 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun.¹ Ini kerana, Akta 2001 melalui Seksyen 2(1) telah mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun. Namun, ini tidak bermakna Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) ini membenarkan pengambilan pekerja kanak-kanak secara total, kerana ia tertakluk kepada bentuk-bentuk pekerjaan dan waktu bekerja bagi kanak-kanak yang telah ditetapkan sahaja.

Pengkategorian tersebut dibuat adalah kerana terdapat perbezaan dalam kerja-kerja yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda serta waktu kerja yang dibenarkan bagi kedua-dua golongan itu. Bagi kanak-kanak, dia hanya boleh melaksanakan kerja-kerja ringan yang sesuai dengan keupayaannya bagi pekerjaan yang dijalankan oleh keluarganya, pekerjaan hiburan awam yang mengikut syarat-syarat permit, pekerjaan yang perlu

¹ Siti Zaharah Jamaluddin (2002), “Akta Kanak-kanak 2001: Implikasi Terhadap Pekerja Kanak-kanak dan Orang Muda”, Siti Zaharah Jamaluddin *et al.* (ed), *Siri Undang-undang Mimi Kamariah – Akta Kanak-kanak 2001*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya., m.s. 104.

dilakukannya seperti dilulus atau dianjur oleh kerajaan dan dilaksanakan di sekolah, institusi latihan atau kapal latihan, dan pekerjaan sebagai aprentis (pelatih) yang dibuat suatu kontrak aprentis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh.²

Seseorang orang muda pula boleh melakukan semua pekerjaan boleh dilakukan oleh kanak-kanak, sebagai pembantu rumah, pekerjaan di pejabat, kedai, gudang, kilang, bengkel, setor, rumah tumpangan, pawagam, pementasan, kelab atau persatuan, pekerjaan dalam sesuatu industri yang sesuai dengan keupayaan dan pekerjaan di kapal yang di bawah kawalan keluarga. Akan tetapi, bagi orang muda perempuan disyaratkan hanya boleh bekerja di hotel, bar, restoran, rumah penginapan dan kelab yang di bawah pengurusan keluarga atau penjaganya (kecuali diluluskan oleh Ketua Pengarah Sumber Manusia).³

Dalam Akta ini juga diperuntukkan bahawa kanak-kanak dan orang muda tidak boleh bekerja yang berlawanan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 atau Akta Elektrik 1949 atau bekerja di bawah tanah.⁴ Kanak-kanak atau orang muda juga tidak boleh bekerja berturutan lebih dari 6 hari⁵ dan mereka hanya boleh bekerja di tempat awam jika dibenarkan secara bertulis oleh

² Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, sek. 2 (2) (a), (b), (c) & (d).

³ *Ibid.*, sek. 2 (3) (a), (b), (c), (d) & (e).

⁴ *Ibid.*, sek. 2 (5).

⁵ *Ibid.*, sek. 4.

Ketua Pengarah Sumber Manusia dan ia tidak membahayakan nyawa, anggota, kesihatan atau moral mereka.⁶

Dari segi masa bekerja, diperuntukkan bahawa kanak-kanak tidak boleh bekerja dari jam 8 malam hingga 7 pagi (kecuali yang bekerja untuk hiburan awam), bekerja lebih dari 3 jam berterusan tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit, bekerja lebih dari 6 jam sehari, atau jika kanak-kanak itu bersekolah tidak lebih dari 7 jam (termasuk masa tempoh persekolahannya), dan untuk memulakan kerja pada mana-mana hari tanpa diberi tidak kurang dari 14 jam rehat.⁷ Bagi orang muda pula diperuntukkan tidak boleh bekerja antara jam 8 malam hingga 6 pagi, bekerja berterusan lebih 4 jam tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit, bekerja lebih dari 7 jam sehari, atau jika dia bersekolah tidak lebih dari 8 jam (termasuk waktu persekolahannya), tetapi jika dia aprentis, tidak boleh lebih dari 8 jam sehari serta mula kerja pada mana-mana hari tanpa diberi tidak kurang dari 12 jam rehat.⁸ Jelas di sini bahawa pekerja orang muda dibenarkan bekerja lebih satu jam berbanding dengan pekerja kanak-kanak, terutamanya jika dia masih bersekolah.

Mana-mana orang, sama ada ibu bapa, penjaga, majikan atau orang lain yang tidak mematuhi undang-undang ini pula boleh dianggap telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjara tidak lebih dari 6 bulan atau didenda tidak lebih dari RM2,000 atau kedua-duanya sekali, dan bagi

⁶ *Ibid.*, sek. 7 (1) & (2).

⁷ *Ibid.*, sek. 5 (a), (b), (c) & (d).

⁸ *Ibid.*, sek. 6 (a), (b), (c) & (d).

kesalahan kedua atau berikutnya, dipenjara tidak lebih dari dua tahun atau didenda tidak lebih dari RM3,000 atau kedua-duanya.⁹ Hukuman ini dikenakan bukan sahaja kerana mereka telah melanggar undang-undang yang telah ditetapkan, tetapi juga kerana dianggap telah menganiaya kanak-kanak dengan kerja-kerja yang tidak sepatutnya serta telah mengabaikan keselamatan dan kesihatan mereka. Maka, ketika inilah mengambil kanak-kanak sebagai buruh (*child labour*) menjadi suatu kesalahan.

3.2.2 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984

Bagi melindungi kanak-kanak di taman asuhan, undang-undang telah memperuntukkan bahawa taman asuhan kanak-kanak tersebut mesti memenuhi keperluan tertentu seperti:

- i. “Kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak atau pekerja-pekerja dalamnya adalah memuaskan; 
- ii. ...jadual waktu, menu, ... adalah diselenggarakan dengan sempurna;
- iii. alat yang cukup dan sesuai diadakan di dalamnya;
- iv. struktur, kesihatan dan kebersihan diselenggarakan;
- v. pengawasan yang cukup diambil terhadap pencegahan kebakaran atau apa-apa bencana lain yang mungkin membahayakan nyawa atau kesihatan kanak-kanak yang diasuh dalamnya.”¹⁰

Kegagalan memenuhi keperluan yang sepatutnya diberikan atau disediakan kepada kanak-kanak dalam jagaan di taman asuhan, dianggap telah

⁹ *Ibid.*, sek. 14 (1).

¹⁰ Sek. 14 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308).

mengabaikan kebijakan kanak-kanak tersebut, terutama kesihatan dan keselamatan mereka yang merupakan salah satu bentuk penganiayaan kanak-kanak. Ini merupakan satu kesalahan dan hukuman yang dikenakan oleh Akta ini ialah denda tidak lebih daripada RM2,000 atau hukuman penjara tidak lebih daripada satu tahun sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 17.

3.2.3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

Secara ringkasnya, terdapat empat bentuk perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta ini untuk melindungi kanak-kanak iaitu perintah perlindungan, perintah perlindungan interim, kuasa penangkapan dan pemberian pampasan. Objektif Akta ini ialah untuk memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga dengan membantu mangsa mendapatkan perlindungan bagi dirinya untuk mengambil tindakan undang-undang, jika berlaku keganasan rumah tangga (oleh pihak Polis sebagai Pegawai Penguatkuasa). Keganasan rumah tangga dirujuk sebagai perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- (a) "secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- (b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan,

- berbentuk seksual atau pun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;*
- (d) *mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu; atau*
- (e) *melakukan khianat atau kemusnahaan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu, ...*¹¹

“Mangsa” yang dimaksudkan dalam Akta ini termasuk juga kanak-kanak¹² dan sekaligus melayakkannya memohon perintah perlindungan interim di bawah seksyen 4(1) iaitu perintah perlindungan yang diberikan sementara menunggu penyiasatan sesuatu kes dan merupakan suatu perintah yang cepat untuk melindungi mangsa daripada terus didera. Akan tetapi, perintah perlindungan ini akan terhenti berkuatkuasa setelah selesainya penyiasatan itu.¹³ Semasa prosiding kes berjalan pula, kanak-kanak boleh memohon perintah perlindungan lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 5(1) iaitu:

.....

“Mahkamah boleh, dalam prosiding yang melibatkan sesuatu aduan keganasan rumah tangga, mengeluarkan mana-mana satu atau lebih perintah perlindungan yang berikut:

- (b) *perintah perlindungan yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak itu.*

¹¹ Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), sek. 2.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*, sek. 4(2).

Walau bagaimanapun, perintah perlindungan ini hanya boleh dipohon dengan syarat kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah kesalahan yang boleh dikompaun atau boleh dijamin di bawah Kanun Keseksaan sebelum sesuatu pertuduhan jenayah itu boleh dibuat terhadap tertuduh.¹⁴ Ini kerana, Akta 1994 ini perlu dibaca bersama Kanun Keseksaan sebelum sesuatu pertuduhan jenayah itu boleh dibuat terhadap tertuduh.¹⁵

Seterusnya di dalam seksyen 5(2) pula menyatakan bahawa mahkamah dalam membuat sesuatu perintah perlindungan di bawah perenggan 1(b) di atas boleh memasukkan peruntukan bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak boleh menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan terhadap kanak-kanak itu.

Seksyen 6(1) pula memperuntukkan jenis-jenis perintah yang boleh dimasukkan ke dalam perintah perlindungan iaitu mengeluarkan yang tertuduh daripada kediaman bersama atau bahagian tertentu kediaman itu, melarang atau menyekat yang tertuduh daripada memasuki tempat kediaman, menghendaki yang tertuduh untuk membenarkan mangsa memasuki kediaman bagi maksud mengambil barang-barang kepunyaan mangsa tersebut, menghendaki yang tertuduh untuk mengelakkan daripada membuat perhubungan bertulis atau meneleponi mangsa, menghendaki yang tertuduh untuk membenarkan mangsa untuk terus menggunakan sesuatu kenderaan

¹⁴ *Ibid.*, sek. 13 (a) & (b).

¹⁵ *Ibid.*, sek. 3.

yang biasa digunakan oleh mangsa sebelum itu dan pemberian apa-apa arahan yang perlu yang mempunyai kuatkuasa selama tempoh tidak lebih 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya perintah tersebut.¹⁶

i

Walaupun tempoh kuatkuasa perintah perlindungan tersebut tidak boleh melebihi setahun, ia masih boleh dibuat semula atas pelanggaran perintah perlindungan, atau diperlanjutkan selama suatu tempoh selanjutnya, tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh habis tempoh perintah asalnya, jika mahkamah berpuas hati bahawa, perlanjutan itu perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri orang yang dilindungi, walaupun tidak berlaku perlanggaran sebenar berkenaan perintah itu. Ini termaktub dalam seksyen 6(2).

Hukuman bagi sesiapa yang sengaja melanggar suatu perintah perlindungan atau mana-mana peruntukannya, boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini dinyatakan dalam seksyen 8(1).

Dalam seksyen 7(1) pula menyatakan bahawa jika mahkamah berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim dibuat, berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal sebenar kepada mana-mana orang yang dilindungi, mahkamah boleh menyertakan suatu kuasa menangkap kepada perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

¹⁶ Rujuk: *Ibid.*, sek. 6 (1) (a) – (f)

Selain daripada itu, mangsa keganasan rumah tangga yang mengalami kecederaan diri, kerosakan kepada harta atau kerugian kewangan akibat daripada keganasan rumah tangga itu boleh menuntut pampasan daripada pelaku keganasan tersebut melalui seksyen 10(1). Akan tetapi, perlu ditekankan di sini bahawa oleh kerana semua peruntukan di dalam Akta ini perlu dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, maka tuntutan pampasan perlu dibuat mengikut Kanun Prosedur Jenayah.¹⁷

Berkaitan dengan aduan bagi pihak kanak-kanak, aduan itu boleh difailkan oleh penjaga atau saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau oleh seseorang pegawai penguatkuasa. Ini jelas diperuntukkan dalam seksyen 15.

3.2.4 Kanun Keseksaan

Perkataan ‘aniaya’ atau ‘dera’ tidak terdapat secara langsung dalam Kanun ini, penganiaya atau pendera kanak-kanak masih boleh disabitkan dengan kesalahan tertentu di bawah Kanun ini mengikut bentuk penganiayaan yang dilakukan terhadap seseorang kanak-kanak sama ada penganiayaan itu berbentuk fizikal, emosi atau seksual. Ini kerana, peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan adalah merangkumi semua pihak.

¹⁷ Lihat: Sek. 426, Kanun Prosedur Jenayah.

Jika seseorang itu memukul seseorang yang lain sehingga menyebabkan kematian, maka dia boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 302 yang mana jelas memperuntukkan barangsiapa melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah disiksa dengan dibunuhan.

Sekiranya seseorang itu sengaja menyebabkan cedera¹⁸ kepada seseorang yang lain, dia boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 323 yang menyatakan hukumannya ialah penjara yang boleh mencapai tempoh setahun, atau denda yang boleh mencecah RM2,000 atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi kes menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda merbahaya, hukumannya ialah penjara yang boleh mencapai tempoh tiga tahun, atau denda, atau sebat dengan jari ampai atau rotan, atau mana-mana dua daripada siksaan-siksaan di atas.¹⁹

Barangsiapa yang sengaja menyebabkan cedera parah²⁰ pula adalah lebih berat hukumannya dengan penjara yang boleh mencapai tujuh tahun,

¹⁸ Menyebabkan cedera bermaksud menyebabkan kesakitan, penyakit, atau kelemahan tubuh kepada seseorang. Lihat: Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) (Pindaan sehingga 2001), sek. 319.

¹⁹ *Ibid.*, sek. 324.

²⁰ Terdapat lapan kategori cedera parah yang diakui oleh undang-undang:

1. Hilang tenaga kelakian.
2. Hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata.
3. Hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga.
4. Hilang sesuatu anggota atau sendi.
5. Binasa atau lemah selama-lamanya daya sesuatu anggota atau sendi.
6. Cacat selama-lamanya kepala atau muka.
7. Patah atau retak tulang atau selisih sendi.
8. Apa-apa cedera yang membahayakan nyawa atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama dua puluh hari.

Lihat: *Ibid.*, sek. 319.

dan boleh dikenakan denda.²¹ Dalam kes menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya pula, hukumannya ialah penjara yang mana tempoh maksimumnya dua puluh tahun dan boleh dikenakan denda, atau sebat dengan jari ampai atau rotan.²²

Tindakan mengurung seseorang dengan salah boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 342 yang mana hukumannya ialah penjara yang boleh mencapai tempoh setahun, atau denda yang boleh mencecah RM2,000 atau kedua-duanya sekali. Hukuman bagi sesiapa yang menggunakan kekerasan jenayah²³ pula ialah penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga bulan, atau denda yang boleh mencecah RM1,000, atau kedua-duanya sekali.²⁴ Jika sesiapa yang menakutkan secara jenayah yang mana ugutannya ialah hendak menyebabkan kematian atau cedera parah pula, hukumannya ialah penjara selama tempoh boleh sampai tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.²⁵

Manakala dalam kes membuang bayi sehingga menyebabkan kematian, seseorang itu hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai

²¹ *Ibid.*, sek. 325.

²² *Ibid.*, sek. 326.

²³ Kekerasan jenayah bermaksud menggunakan kekerasan kepada seseorang tanpa kerelaan orang itu, dengan tujuan hendak menyebabkan sesuatu kesalahan dilakukan, atau bermaksud dengan menggunakan kekerasan itu hendak menyebabkan atau mengetahui mungkin akan menyebabkan dengan menyalahi undang-undang bencana, ketakutan atau kegusaran kepada orang itu. Lihat: *Ibid.*, sek. 350.

²⁴ *Ibid.*, sek. 352.

²⁵ *Ibid.*, sek. 506.

dua puluh tahun dan boleh juga dikenakan denda.²⁶ Bagi kes ibu atau bapa atau penjaga yang membuang atau meninggalkan dengan niat untuk membuang kanak-kanak pula, hukumannya ialah penjara yang mana tempoh maksimumnya ialah tujuh tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.²⁷

Barangsiapa yang melakukan perbuatan rogol, dia boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 376 yang mana hukumannya ialah penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada dua puluh tahun, serta boleh juga dikenakan denda. Ini boleh dilihat dalam kes *Lim Teng Leng lwn. P.P*²⁸. Perayu dalam kes ini ialut Lim Teng Leng @ Mohd. Iskandar Lim Abdullah telah dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan satu kali sebatan kerana merogol seorang kanak-kanak perempuan berumur 9 tahun yang merupakan anak tirinya. Walau bagaimanapun, rayuannya untuk meringankan hukuman telah ditolak dengan alasan ia merupakan kes yang serius.

Dalam kes *Syed Abu Tahir a/l Mohamad Ismail lwn. P.P*²⁹, perayu dalam kes ini ialut Syed Abu Tahir telah melakukan kesalahan menculik seorang kanak-kanak perempuan yang berumur 13 tahun 10 bulan daripada penjagaan ibunya dan juga telah merogol kanak-kanak tersebut. Dia telah dijatuhkan hukuman empat tahun penjara bagi kesalahan menculik dan enam

²⁶ *Ibid.*, sek. 309B.

²⁷ *Ibid.*, sek. 317.

²⁸ [1998] 5 CLJ 403.

²⁹ [1988] 3 MLJ 485.

tahun penjara serta denda sebanyak RM5,000 tetapi diganti dengan 9 bulan penjara kerana gagal membayarnya, bagi kesalahan merogol kanak-kanak bawah umur. Perayu telah membantah hukuman yang telah dijatuhkan dengan dakwaan ia adalah melampau. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan hanya hukuman bagi kesalahan menculik sahaja boleh dikurangkan iaitu kepada dua tahun penjara. Manakala hukuman bagi kesalahan merogol tetap dikekalkan kerana ia merupakan jenayah yang melibatkan kesalahan merogol kanak-kanak bawah umur.

Barangsiapa yang melakukan perbuatan sumbang mahram³⁰ pula akan dikenakan hukuman penjara untuk jangka masa tidak kurang daripada enam tahun dan tidak lebih daripada dua puluh tahun dan boleh dikenakan sebat.³¹ Ini merupakan peruntukan baru bagi Kanun Keseksaan selepas ia dipinda pada tahun 2001. Manakala hukuman bagi sesiapa yang sengaja melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i³² ialah penjara yang boleh mencapai tempoh dua puluh tahun dan boleh dikenakan sebat.³³

³⁰ Seseorang itu adalah melakukan sumbang mahram sekiranya dia menganiaya secara seks seseorang yang lain yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya yang mana dia tidak dibenarkan oleh undang-undang, agama, budaya atau adat kebiasaan yang boleh disesuaikan dengannya untuk mengahwini orang itu. Lihat: Kanun Keseksaan, sek. 376A(1).

³¹ *Ibid.*, sek. 376B(1).

³² Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i bermaksud seseorang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang yang lain dengan memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang yang lain itu. Lihat: *Ibid.*, sek. 377A.

³³ *Ibid.*, sek. 377B.

Perbuatan menjual³⁴ dan membeli³⁵ kanak-kanak dengan tujuan persundalan juga tidak terlepas daripada hukuman. Hukuman bagi kedua-dua perbuatan menjual dan membeli ialah penjara hingga boleh mencapai tempoh sepuluh tahun dan denda.

Maka dari sini dapat dilihat bahawa, Kanun Keseksian melindungi kanak-kanak daripada tiga aspek penganiayaan. Sebagai contoh, pengenaan hukuman bagi kesalahan bunuh dan mencederakan adalah mewakili kesalahan bagi penganiayaan fizikal, pengenaan hukuman bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah mewakili kesalahan bagi penganiayaan emosi dan pengenaan hukuman bagi kesalahan rogol, sumbang mahram dan persetubuhan di luar tabi'i pula mewakili kesalahan bagi penganiayaan seksual.

3.3 Undang-undang Syariah

Undang-undang syariah hanya terpakai kepada penganut agama Islam sahaja. Undang-undang syariah yang dimaksudkan di sini ialah Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia. Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang syariahnya yang tersendiri. Setelah dibuat kajian, terdapat dua bentuk undang-undang syariah yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak Islam di Malaysia iaitu:

³⁴ *Ibid.*, sek. 372.

³⁵ *Ibid.*, sek. 373.

- (i) Akta, Enakmen atau Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri
- (ii) Akta, Enakmen atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri

3.3.1 Akta, Enakmen atau Ordinan Undang-undang Keluarga Islam

Dalam undang-undang ini, tidak banyak peruntukan yang menyentuh tentang isu penganiayaan kanak-kanak secara langsung. Apa yang disentuh hanyalah kewajipan bapa, ibu atau penjaga memberikan nafkah kepada anak-anak mereka sama ada anak sah taraf, tak sah taraf³⁶ atau anak angkat. Namun begitu, dari perspektif penganiayaan kanak-kanak, pengabaian kewajipan pemberian nafkah ini boleh menjadi satu penganiayaan apabila ia mengakibatkan kebijakan anak-anak terabai seperti tiada tempat tinggal dan pakaian yang sewajarnya, tidak mendapat makanan yang cukup, tidak mampu melanjutkan pelajaran dan mendapatkan rawatan perubatan. Oleh sebab itulah penalti akan dikenakan jika mereka gagal menunaikannya.

Adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah, bergantung

³⁶ Anak tak sah taraf bererti anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhabh. Lihat: Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta 303) (Pindaan sehingga 1994), sek. 2.

kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya. Ini diperuntukkan dengan jelas di dalam seksyen 72(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984³⁷ (selepas ini AUKI WP 1984). Maka di sini, tidak timbul soal kewajipan seseorang bapa itu sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas perceraian, kerana pemberian nafkah anak adalah kewajipan mutlak seseorang bapa walau dalam apa jua keadaan sekalipun mengikut kadar kemampuannya. Ini dibuktikan melalui sebuah kes rayuan di Kelantan, *Mohamed Iwn. Selamah*³⁸, yang mana seorang suami telah diperintahkan oleh Mahkamah Jemaah Pengadilan agar tetap membayar nafkah dua orang anaknya berjumlah RM60 sebulan walaupun selepas berlakunya perceraian dan berpendapatan hanya RM120.00 sebulan.

Sekiranya bapa kanak-kanak itu mati atau tidak diketahui tempat di mana dia berada, maka nafkah kanak-kanak itu adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syara'.³⁹ Jika seseorang lelaki telah mengambil anak angkat pula, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak,

³⁷ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984, sek. 72(1); Enakmen Keluarga Islam (Melaka) 1983, sek. 59(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 1983, sek. 72(1); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 1991, sek. 72(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985, sek. 72(1); Enakmen Keluarga Islam (Kedah) 1979, sek. 60(1); Enakmen Keluarga Islam (Kelantan) 1983, sek. 59(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perak) 1984, sek. 68(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990, sek. 72(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pahang) 1987, sek. 73(1); Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Sabah) 1992, sek. 74(1); Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Sarawak) 1991, sek. 71(1).

³⁸ (1980) 2 JH (1) 95.

³⁹ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 72(2); Selangor, sek. 72(2); Melaka, sek. 59(2); Negeri Sembilan, sek. 72(2); Perlis, sek. 72(2); Pulau Pinang, sek. 72(2); Kedah, sek. 60(2); Kelantan, sek. 59(2); Perak, sek. 68(2); Johor, sek. 72(2); Pahang, sek. 73(2); Sabah, sek. 74(2); Sarawak, sek. 71(2).

setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian.⁴⁰

Kewajipan yang ditanggung itu hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya⁴¹ dan apa-apa wang yang dibelanjakan oleh lelaki itu untuk menanggung nafkah kanak-kanak tersebut, boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu.⁴²

Dalam kes anak tak sah taraf, menjadi kewajipan ibu kanak-kanak tersebut untuk menanggung nafkah anaknya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol. Jika perempuan tersebut cuai atau enggan menanggung nafkah anaknya itu yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, mahkamah⁴³ boleh memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.⁴⁴

Mahkamah berkuasa memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah anaknya jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya itu, atau telah meninggalkan langsung

⁴⁰ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 78(1); Selangor, sek. 78(1); Melaka, sek. 65(1); Negeri Sembilan, sek. 78(1); Perlis, sek. 78(1); Pulau Pinang, sek. 78(1); Kedah, sek. 66(1); Kelantan, sek. 65(1); Perak, sek. 74(1); Johor, sek. 78(1); Pahang, sek. 79 (1); Sabah, sek. 80 (1); Sarawak, sek. 77(1).

⁴¹ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 78(2); Selangor, sek. 78(2); Melaka, sek. 65(1); Negeri Sembilan, sek. 78(2); Perlis, sek. 78(2); Pulau Pinang, sek. 78(2); Kedah, sek. 66(1); Kelantan, sek. 65(1); Perak, sek. 74(2); Johor, sek. 78(2); Pahang, sek. 79(2); Sabah, sek. 80(2); Sarawak, sek. 77(2).

⁴² Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 78(3); Selangor, sek. 78(3); Melaka, sek. 65(2); Negeri Sembilan, sek. 78(3); Perlis, sek. 78(3); Pulau Pinang, sek. 78(3); Kedah, sek. 66(2); Kelantan, sek. 65(2); Perak, sek. 74(3); Johor, sek. 78(3); Pahang, sek. 79(3); Sabah, sek. 80(3); Sarawak, sek. 77(3).

⁴³ Mahkamah bermaksud Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah Sek. 40 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Lihat Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 2.

⁴⁴ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 80(1); Selangor, sek. 80(1); Melaka, sek. 67(1); Negeri Sembilan, sek. 80(1); Perlis, sek. 80(1); Pulau Pinang, sek. 80(1); Kedah, sek. 68(1); Kelantan, sek. 67(1); Perak, sek. 76(1); Johor, sek. 80(1); Pahang, sek. 81(1); Sabah, sek. 82(1); Sarawak, sek. 79(1).

isterinya dan anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya, atau dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri, atau apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain.⁴⁵

Dalam kes tunggakan nafkah seseorang anak, ia boleh dituntut di bawah seksyen 77 AUKI WP 1984.⁴⁶ Hukuman bagi sesiapa yang cuai dengan sengaja dari mematuhi perintah pula adalah berbeza di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan melalui seksyen 132(2)(a)⁴⁷, kegagalan untuk membuat pembayaran secara bulanan boleh dikenakan denda atau dihukum penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar. Hukuman yang diperuntukkan oleh Selangor di bawah seksyen 132 ialah boleh dikenakan denda atau dipenjara tidak lebih sebulan bagi tiap-tiap tiga bulan nafkah yang belum dibayar. Perlis pula melalui seksyen 130⁴⁸ menetapkan hukuman dalam bentuk denda atau dipenjara tidak melebihi satu minggu bagi tiap-tiap bulan yang tidak dibayar. Manakala Kedah pula melalui seksyen 116 tidak menetapkan bentuk hukuman yang tertentu, tetapi hanya memperuntukkan akan mengambil langkah-langkah seperti yang diperuntukkan di dalam

⁴⁵ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 73(1); Selangor, sek. 73(1); Melaka, sek. 60(1); Negeri Sembilan, sek. 73(1); Perlis, sek. 73(1); Pulau Pinang, sek. 73(1); Kedah, sek. 61(1); Kelantan, sek. 60(1); Perak, sek. 69(1); Johor, sek. 73(1); Pahang, sek. 74(1); Sabah, sek. 75(1); Sarawak, sek. 72(1).

⁴⁶ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Selangor, sek. 77; Melaka, sek. 64; Negeri Sembilan, sek. 77; Perlis, sek. 77; Pulau Pinang, sek. 77; Kedah, sek. 65; Kelantan, sek. 64; Perak, sek. 73; Johor, sek. 77; Pahang, sek. 78; Sabah, sek. 79; Sarawak, sek. 76.

⁴⁷ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Melaka, sek. 103; Negeri Sembilan, sek. 132; Pulau Pinang, sek. 132; Kelantan, sek. 102; Perak, sek. 127; Pahang, sek. 133; Sabah, sek. 139.

⁴⁸ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Johor, sek. 131; Sarawak, sek. 133.

Enakmen Aturcara Mal Islam (Kedah) 1979. Hukuman penjara tidak melebihi setahun bagi kegagalan mana-mana pembayaran nafkah satu tahun hanya diperuntukkan di Wilayah Persekutuan,⁴⁹ Perlis,⁵⁰ Johor⁵¹ dan Sarawak⁵² sahaja dan tidak diperuntukkan di negeri-negeri yang lain.

Ini dapat dilihat dalam kes lain di Kelantan, *Bunga Iwn. Muhammad*⁵³, pihak menuntut telah menuntut nafkah sebanyak RM150 sebulan untuk anaknya. Pihak kena tuntut telah memberi persetujuan untuk membayar nafkah anak tersebut. Tetapi pihak kena tuntut tidak membayar nafkah anak itu seperti yang diperintah oleh mahkamah dari 20 Jun 1983 hingga 20 Januari 1984 berjumlah RM1,050 dan pihak menuntut telah menuntut nafkah itu. Pihak kena tuntut tidak hadir. Mahkamah Kadi memutuskan sabit pihak kena tuntut tidak membayar nafkah itu dan dia dihukum membayar RM1,050 kepada pihak menuntut melalui mahkamah sebelum 5 Mac 1984. Jika dia mungkir atau enggan membayar nafkah tersebut, dia akan dihukum penjara selama seminggu.

Tempoh perintah bagi nafkah anak pula hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur 18 tahun, tetapi mungkin akan menjadi lebih singkat atau lebih panjang bergantung kepada beberapa faktor yang dinyatakan dalam

⁴⁹ Wilayah-wilayah Persekutuan, sek. 132(2)(b).

⁵⁰ Perlis, sek. 130.

⁵¹ Johor, sek. 131.

⁵² Sarawak, sek. 133.

⁵³ (1983) 4 JH 224 dan 231.

seksyen 79 AUKI WP 1984.⁵⁴ Akan tetapi, Perak⁵⁵ dan Pahang⁵⁶ memperuntukkan bahawa perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur 15 tahun, manakala Kedah⁵⁷ dan Kelantan⁵⁸ pula menetapkannya tamat apabila mencapai umur baligh.

3.3.2 Akta, Enakmen atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah

Terdapat tiga bentuk kesalahan yang mungkin melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa penganiayaan di dalam undang-undang ini iaitu sumbang mahram,⁵⁹ pelacuran dan liwat⁶⁰. Ini bermakna, penganiayaan kanak-kanak yang terdapat di dalam undang-undang ini adalah tertumpu kepada penganiayaan dalam bentuk seksual dan tidak melibatkan penganiayaan dalam bentuk lain. Ia boleh dilihat melalui bentuk-bentuk kesalahan yang diperuntukkan.

⁵⁴ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Selangor, sek. 79; Melaka, sek. 66; Negeri Sembilan, sek. 79; Perlis, sek. 79; Pulau Pinang, sek. 79; Johor, sek. 79; Sabah, sek. 81; Sarawak, sek. 78.

⁵⁵ Perak, sek. 75.

⁵⁶ Pahang, sek. 80.

⁵⁷ Kedah, sek. 67.

⁵⁸ Kelantan, sek. 66.

⁵⁹ Sumbang mahram bererti persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang dilarang mengahwini satu sama lain di bawah Hukum Syarak. Lihat: Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, sek. 2(1).

⁶⁰ Liwat bererti perhubungan seks sesama lelaki. Lihat: *Ibid*, sek. 2(1).

Hukuman bagi kesalahan sumbang mahram sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997⁶¹ (selepas ini AKJS WP 1997):

i

"Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu."

Walau bagaimanapun, bentuk dan kadar hukuman ini tidak seragam di semua negeri. Negeri Sembilan⁶² menetapkan denda tidak lebih daripada RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Kelantan,⁶³ Kedah⁶⁴ dan Perlis⁶⁵ pula menetapkan denda tidak lebih daripada RM3,000 atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya sekali dan mahkamah boleh memerintahkan supaya mereka tidak tinggal bersama. Berbeza pula dengan Sabah⁶⁶ dan Sarawak⁶⁷ yang hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih daripada tiga tahun sahaja tanpa apa-apa hukuman denda atau sebat.

⁶¹ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, sek. 22; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997, sek. 20; Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992, sek. 45(1).

⁶² Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, sek. 62(1).

⁶³ Enakmen Kanun Jenayah Syar'iyyah (Negeri Kelantan) 1985, sek. 10.

⁶⁴ Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988, sek. 10.

⁶⁵ Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991, sek. 10.

⁶⁶ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995, sek. 78.

⁶⁷ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 1991, sek. 9(1).

Bagi kesalahan pelacuran pula, seksyen 21(2) AKJS WP 1997⁶⁸ memperuntukkan hukuman terhadap suami atau ayah:

"Mana-mana orang yang melacurkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya; atau menyebabkan atau membenarkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya melacurkan diri, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu."

Perlis⁶⁹ dan Sarawak⁷⁰ juga menetapkan kadar hukuman denda dan penjara yang sama dengan Wilayah Persekutuan, cuma tidak memperuntukkan hukuman sebat. Manakala Kelantan,⁷¹ Kedah⁷² dan Sabah⁷³ pula mengenakan hukuman denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.

Manakala bagi kesalahan liwat, seksyen 25 AKJS WP 1997⁷⁴ menyatakan:

"Mana-mana orang yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam

⁶⁸ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Selangor, sek. 23(2); Johor, sek. 21(2); Perak, sek. 47(2); Negeri Sembilan, sek. 72(2).

⁶⁹ Perlis, sek. 17(2).

⁷⁰ Sarawak, sek. 18(2).

⁷¹ Kelantan, sek. 18(2).

⁷² Kedah, sek. 18(2).

⁷³ Sabah, sek. 71(2).

⁷⁴ Peruntukan-peruntukan lain ialah: Selangor, sek. 28; Johor, sek. 25; Kelantan, sek. 14.

sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”

Perlis,⁷⁵ Kedah,⁷⁶ Sabah⁷⁷ dan Sarawak⁷⁸ juga memperuntukkan kadar hukuman denda dan penjara yang sama dengan Wilayah Persekutuan, kecuali hukuman sebat yang tidak diperuntukkan. Manakala Negeri Sembilan⁷⁹ pula menetapkan denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Setelah melihat kepada ketiga-tiga peruntukan di atas, didapati peruntukan bagi kesalahan pelacuran sahaja yang menyebut dengan jelas perkataan “kanak-kanak”. Tetapi ini tidak bermakna peruntukan bagi kesalahan sumbang mahram dan liwat tidak membabitkan kanak-kanak kerana peruntukan-peruntukan tersebut dinyatakan dalam bentuk umum yang merangkumi mangsa orang dewasa dan juga kanak-kanak, dan tidak dapat dinafikan bahawa ramai mangsa kesalahan ini adalah terdiri daripada kanak-kanak.⁸⁰

⁷⁵ Perlis, sek. 13.

⁷⁶ Kedah, sek. 14.

⁷⁷ Sabah, sek. 82.

⁷⁸ Sarawak, sek. 13.

⁷⁹ Negeri Sembilan, sek. 63.

⁸⁰ Sila rujuk: “Tiga Sekeluarga Dituduh Rogol Kanak-kanak 12 Tahun”, Utusan Malaysia, (12 April 2002), m.s. 1; “Tiga Beradik Mangsa Sumbang Mahram Takut Tinggal dengan Saudara-mara”, Utusan Malaysia, (12 April 2002), m.s. 16; “Pemandu Lori Rogol Anak Dihukum 10 Mei”, Utusan Malaysia, (13 April 2002), m.s. 10; “Bapa Rogol Anak Dihukum Penjara 12 Tahun, 12 Sebatan”, Utusan Malaysia, (16 April 2002), m.s. 14; “Gadis Buat Laporan Polis Dakwa Dirogol Bapa”, Utusan Malaysia, (27 April 2002), m.s. 10; “Cabby Jailed 15 Years for Rape”, The Star, (12 April 2003), m.s. 21; “Pensioner Jailed 70 Years for Sodomy and Indecency”, The Star, (8 Mei 2003), m.s. 3; “Lelaki Berzina dengan Anak Saudara”, Berita Minggu, (18 Mei 2003), m.s. 10.

Walaupun kesalahan sumbang mahram, pelacuran dan liwat diperuntukkan dengan jelas dalam undang-undang ini, kes yang melibatkan kanak-kanak tidak akan dibawa ke Mahkamah Syariah tetapi ke Mahkamah Sivil kerana hal-hal yang berkaitan dengan umur dewasa dan remaja termasuk di bawah bidangkuasa undang-undang persekutuan⁸¹ atau dengan kata lain undang-undang sivil.

3.4 Kesimpulan

Daripada apa yang telah dipaparkan di dalam bab ini, dapat difahami bahawa terdapat banyak perlindungan bagi kanak-kanak untuk mengelak daripada teraniaya atau jika telah teraniaya undang-undang memberi jalan keluar atau perlindungan dalam pelbagai bentuk seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang sivil di Malaysia, sama ada dalam bidang pekerjaan, di taman asuhan atau di dalam rumah tangga termasuk pengenaan hukuman bagi sesiapa sahaja yang melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak. Ini memperlihatkan bahawa undang-undang sivil melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk penganiayaan sama ada fizikal, emosi, seksual atau pengabaian.

Namun begitu, perlindungan bagi kanak-kanak yang teraniaya tidak diperuntukkan secara menyeluruh di bawah undang-undang syariah, sebaliknya hanya melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa pengabaian nafkah oleh ibu bapa atau penjaga. Walaupun peruntukan mengenai kesalahan penganiayaan seksual

⁸¹ Lihat: Fasal 4 (e) (i), Senarai 1, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

ada diperuntukkan, ia tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang terhadap mangsa kanak-kanak kerana dihalang oleh Fasal 4(e) (i) Senarai 1 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dengan ini bolehlah disimpulkan bahawa, peruntukan-peruntukan mengenai perlindungan terhadap kanak-kanak yang terdapat di dalam undang-undang syariah adalah amat terhad berbanding dengan apa yang terdapat di dalam undang-undang sivil disebabkan oleh halangan yang telah disebutkan tadi.